

TARIKH	2 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	16	RUANGAN	Nasional

317 jemaah selamat pulang

» *Kumpulan pertama tiba di tanah air malam tadi*

Oleh Haika Khazi
mfaizul@bharian.com.my

► Sepang

Kumpulan pertama seramai 317 daripada lebih 28,000 jemaah Malaysia selamat tiba di tanah air, malam tadi.

Mereka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan menaiki pesawat penerbangan khas Saudi Airlines SV5410, jam 10.10 malam selepas bertolak dari Lapangan Terbang Raja Abdul Aziz pada jam 7 pagi waktu tempatan.

Ketibaan mereka disambut dengan air mata kegembiraan oleh ahli keluarga, sahabat handai dan kenalan masing-masing.

Bersyukur selamat tiba

Jemaah dari Bachok, Kelantan, Rohana Othman, 53, berkata beliau bersyukur kerana selamat tiba di tanah air selepas mengerjakan haji bersama suaminya, Wan Abdulah Wan Daud, 63 tahun.

"Saya dan suami bersyukur kerana selamat tiba di tanah air dan dapat bertemu anak yang sekian lama terpisah."

"Walaupun menghadapi pelbagai masalah kesihatan dan sudah tiga hari tidak dapat melepaskan mata kerana tidak sabar bertemu ahli ke-



Kumpulan pertama jemaah tiba di KLIA jam 10.10 malam tadi.

(FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH)

uarga, kami bersyukur dapat pulang dan menunaikan haji dengan sempurna" katanya di KLIA, malam tadi.

Sementara itu, jemaah dari Johor, Abdul Rahman Ahmad, 70, berkata walaupun sudah dua kali menunaikan haji, beliau dan isteri, Fatimah Othman, 62, berhasrat berbuat demikian sekali lagi jika dipanjangkan umur.

"Walaupun baru kembali dari Makkah dan sudah dua kali ke sana, saya berhasrat berbuat demikian sekali lagi atau sekurang-kurangnya umrah, pada masa depan," katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Da-

tuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata 132 jemaah haji Malaysia menerima rawatan di Tanah Suci termasuk 15 mendapat rawatan intensif di hospital Kerajaan Arab Saudi.

Katanya, keadaan jemaah berkenaan dipantau teliti oleh doktor serta pegawai Tabung Haji (TH) dan mereka akan dibenarkan pulang apabila kesihatan masing-masing mengizinkan.

117 dirawat

"Seramai 117 jemaah kita ditempatkan di tiga hospital TH di Makkah dan Madinah, 15 lagi di hospital Kerajaan Arab Saudi yang lebih lengkap. Rata-rata mereka mengalami ma-

salah jantung.

"Berdasarkan pengalaman lalu, jika keadaan jemaah tak berat (sakit), kita akan bawa pulang sekali dengan penerbangan yang dijadualkan," katanya kepada media selepas tiba di KLIA semalam, selepas menunaikan ibadat haji.

Jamil Khir berkata, selain 31 jemaah haji yang meninggal dunia, jumlah mereka yang menerima rawatan di hospital tahun ini berkurangan berbanding 200 orang tahun lalu.

Katanya, penerbangan pulang kumpulan terakhir jemaah ialah 29 November ini.

Selain itu, beliau berkata, kemampuan Malaysia menguruskan jemaah haji melalui TH terus dikagumi dan beberapa negara di Eropah serta Amerika Syarikat, Kanada dan Afrika sudah menyatakan minat untuk mempelajarinya.

“*Saya dan suami bersyukur selamat tiba di tanah air dan dapat bertemu anak yang sekian lama terpisah*”

Rohana Othman,
Jemaah haji

mengerjama masa depan.